

Fenomena air pasang besar rosakkan kediaman pinggir pantai Kuala Nerus

37 penduduk tinggalkan rumah

Oleh WAN ZULKIFLI WAN YAACOB

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA TERENGGANU 26 JAN.

SERAMAI 37 orang daripada sembilan keluarga di dua buah kampung pinggir pantai di Kuala Nerus di sini terpaksa meninggalkan rumah ekoran fenomena air pasang besar dengan angin kencang sejak lewat malam tadi.

Ombak semakin menghakis kawasan persekitaran dan merosakkan tiga buah rumah manakala puluhan buah rumah lagi terutama di Kampung Telipot dan Kampung kampung Gelam turut terdedah kepada ancaman serupa.

Pasukan anggota bomba termasuk bomba sukarela bersama tiga jentera dikejarkan ke lokasi ke-

jadian manakala polis serta Jabatan Pertahanan Awam turut menemipatkan anggota mereka untuk memantau keadaan dan membantu penduduk terbabit.

Sekretariat Jawatankuasa Pengerusan Bencana Daerah Kuala Nerus, Lt. M. Ahmad Kamal Hakim dalam satu kenyataan memberitahu, sebuah rumah telah ranap manakala dua buah lagi dalam keadaan teruk akibat dipukul ombak.

Beliau mengingatkan penduduk di pesisir pantai supaya berhati-hati dengan keadaan ombak yang bergelora kerana berdasarkan laporan Jabatan Meteorologi Malaysia, fenomena itu akan berlanjutan sehingga esok.

Pengarah Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Terengganu, Lt. Kol. Adam Abdul Rahman pula

memberitahu, selain di Kuala Nerus, fenomena ini turut mengancam beberapa kawasan pantai di negeri ini termasuk kawasan Gong Batu Setiu dan Pengkalan Atap Besut.

“Anggota JPAM telah diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga di kawasan-kawasan yang dikenal pasti berdepan dengan ancaman untuk memastikan keselamatan penduduk terjamin,” ujarnya.

Susulan kejadian tersebut, kerajaan negeri difahamkan telah memperuntukkan RM1 juta bagi membantu mangsa-mangsa dan juga dalam usaha menggerakkan langkah penyelesaian awal bagi meredakan kesan fenomena itu.

Sementara itu, seorang penduduk, **Yusri A. Rashid**, 30, berkata, walaupun mereka pernah mengalami fenomena sedemikian,

namun pada kali ini ombak terlalu besar disusuli angin kencang amat menakutkan mereka.

Katanya, jarak antara pantai dan kediaman yang semakin hampir menyebabkan air mula melimpah ke kawasan rumah.

“Saya harap pihak berkuasa dapat mengambil tindakan segera bagi mengelakkan kejadian tidak diinginkan pada masa depan,” katanya.

Seorang lagi penduduk, **Zulkiffi Yusof**, 46, pula memberitahu, air pasang besar mula berlaku sejak petang semalam, namun lewat malam tadi keadaannya menjadi semakin buruk sehingga mencemaskan mereka.

“Sekarang ini memang tak tenteramlah nak tidur pun tidak boleh bila fikir rumah mula dimasuki air dan bimbang ombak makin besar,” ujarnya.